


Malaysia tumpu pemusatan ASEAN sebagai pasaran tunggal

Anwar, Prabowo sepakat mahu lebih banyak kerjasama perniagaan pacu ekonomi serantau

Daripada Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bh.com.my
di Lima, Peru



Malaysia selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) tahun depan akan terus memberi tumpuan kepada pemusatan ASEAN sebagai satu pasaran tunggal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sasaran itu boleh dicapai melalui kerjasama konkrit terutama dalam sektor kerajaan dan perniagaan yang boleh dihubungkan melalui Kaukus ASEAN.

Beliau juga menggalakkan peranan aktif Kaukus ASEAN dalam Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) bagi menyokong komitmen ASEAN untuk mencapai kemampanan pertumbuhan ekonomi yang berterusan bagi mengurangkan ketidakseimbangan kekayaan.

Anwar juga mengucapkan penghargaan yang mendalam kepada Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) atas komitmennya yang tidak berbelah bahagi dalam mempromosi inisiatif yang bertumpu kepada ASEAN melalui Kaukus ABAC-ASEAN.

Platform strategik itu, yang diperkenalkan oleh ABAC Indonesia pada November 2023 semasa Minggu Pemimpin Ekonomi

APEC di San Francisco, Amerika Syarikat, mencerminkan dedikasi ABAC dalam mengukuhkan kerjasama serantau, memupuk perpaduan ekonomi dan memacu kemakmuran bersama dalam kalangan ekonomi ASEAN.

“Meskipun secara teknikal kita berkongsi tetapi kita sebenarnya bekerjasama. Tiada persoalan sama ada Indonesia sebagai Pengerusi atau Malaysia sebagai Pengerusi. Aturan ini unik dan menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan ia berkesan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Dialog Pemimpin Ekonomi APEC bersama Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC).

Dialog ini disertai Pengerusi ABAC Malaysia, Datuk Ruben Emir Gnanalingam selaku moderator; Presiden Indonesia, Prabowo Subianto; Pengerusi ABAC Indonesia, Anindya Novyan Bakrie dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Sementara itu, Anwar dan Prabowo sepakat meminta agar lebih banyak kerjasama di antara sektor perniagaan di kedua-dua negara, dengan menekankan pentingnya kerjasama bagi memacu kemakmuran ekonomi serantau.

Bercakap di depan ahli perniagaan, menteri, serta rakan kongsi ASEAN yang lain itu, Perdana Menteri turut menyatakan betapa pentingnya ASEAN sebagai kawasan yang tidak hanya aman, tetapi juga pesat berkembang, menawarkan peluang besar bagi negara anggota untuk memanfaatkan kekuatan digital, keselamatan makanan, dan peralihan tenaga.

Beliau menegaskan kerjasama dalam bidang digital ialah kunci untuk menghadapi cabaran masa depan.

“ASEAN kawasan yang sangat unik, dengan tradisi persahabatan dan kerjasama yang

tidak dapat ditandingi. Kita berada dalam sub-bahagian dunia yang paling aman dan ini memberi peluang besar untuk kita bekerjasama, terutama dalam sektor digital dan tenaga,” kata Anwar.

Anwar juga memberi penekanan terhadap dasar yang lebih terangkum bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, dengan tumpuan utama pada pembangunan yang lestari.

Beliau turut menyatakan Malaysia akan terus berusaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan adil, dengan perhatian yang serius terhadap golongan miskin dan penduduk luar bandar.

Peluang kerjasama damai

Sementara itu, Prabowo turut menekankan keamanan dan kestabilan politik ialah asas bagi kemakmuran ekonomi.

Beliau meminta agar negara besar mengubah persaingan geopolitik menjadi satu peluang untuk kerjasama damai.

Presiden Indonesia itu juga berazam untuk mengatasi ketidakseimbangan ekonomi dalam negaranya, dengan memberi tumpuan kepada pemeraksanaan golongan miskin dan meningkatkan kecekapan kerajaan dalam menangani rasuah.

“Indonesia mempunyai potensi yang luar biasa, tetapi kita mesti mendepani cabaran tertentu. Kita tidak boleh membiarkan satu peratus daripada golongan elit menikmati semua hasil kemakmuran, manakala rakyat jelata hidup dalam kemiskinan,” kata Prabowo.

Beliau juga menegaskan komitmennya untuk memastikan kemakmuran ekonomi dapat dinikmati oleh seluruh rakyat, dengan memberi perhatian terhadap ketahanan makanan, ketahanan tenaga, dan pengendalian sumber daya alam.

Dalam kesempatan itu, kedua-dua pemimpin berkenaan



Anwar bersalaman dengan Prabowo ketika menghadiri Dialog Pemimpin Ekonomi APEC bersama Majlis Penasihat Perniagaan APEC. (Foto BERNAMA)

berkongsi pandangan tentang cara untuk meningkatkan kemakmuran bersama melalui kerjasama yang lebih erat di antara sektor awam dan swasta.

Prabowo menekankan kesejahteraan rakyat mesti menjadi keutamaan, dengan memastikan keadilan sosial dan ekonomi untuk semua lapisan masyarakat.

“Saya percaya pada kerjasama dan rundingan. Kita perlu mencari titik persamaan dan bersedia untuk berkompromi demi kemajuan bersama,” kata Prabowo lagi, menekankan pendekatan Asia yang menekankan perundingan dan kompromi.

Sesi itu juga menjadi platform untuk Malaysia dan Indonesia merangka inisiatif bersama bagi memacu transformasi digital di rantau ini.

Kedua-dua negara komited untuk meneroka peluang dalam digitalisasi dan teknologi hijau, serta menggalakkan pelaburan dalam bidang-bidang ini.

Anwar turut menyentuh me-

ngenai pentingnya kerjasama yang berterusan dalam ASEAN, sambil menegaskan bahawa peralihan kepada ekonomi digital dan lestari memerlukan penyesuaian strategi antara negara anggota.

“Dengan kerjasama ini, kita tidak hanya berdepan dengan cabaran global, tetapi juga memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh teknologi untuk memastikan kemakmuran berpanjangan di kalangan negara-negara ASEAN,” kata Anwar.

Prabowo juga menambah Indonesia akan terus berusaha untuk meningkatkan daya saing negara, dengan fokus kepada pengurangan jurang kekayaan serta mempertingkatkan kapasiti tenaga kerja negara.

Di akhir sesi, kedua-dua pemimpin ini menyatakan mereka akan terus bekerjasama untuk merangka dasar yang akan memberi manfaat kepada rakyat dan memperkukuh ekonomi ASEAN.